

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

Sintaksis Aros T

- 1 Syarikat itu menyediakan perkhidmatan perunding acara dan majlis sejak lima tahun yang lalu.**
 - A Perunding itu telah menyediakan syarikat perkhidmatan acara dan majlis sejak lima tahun lalu.
 - B Perkhidmatan perunding acara dan majlis disediakan oleh syarikat itu sejak lima tahun yang lalu.
 - C Sejak lima tahun yang lalu syarikat itu diminta untuk menyediakan perkhidmatan perunding acara dan majlis.
 - D Syarikat yang dibuka sejak lima tahun yang lalu itu menyediakan perkhidmatan perunding acara dan majlis.
- 2 Pemilik rumah harus memasang alat pengesan asap agar kebakaran tidak merebak dengan lebih teruk.**
 - A Kebakaran tidak merebak dengan lebih teruk setelah pemilik rumah memasang alat pengesan asap.
 - B Alat pengesan asap itu dipasang untuk mengelakkan kebakaran merebak dengan lebih teruk di rumah itu.
 - C Alat pengesan asap itu dipasang oleh pemilik rumah supaya kebakaran tidak merebak dengan lebih teruk.
 - D Alat pengesan asap harus dipasang oleh pemilik rumah agar kebakaran tidak merebak dengan lebih teruk.
- 3 “Jemputlah makan kek pisang yang saya buat ini,” kata Puan Tiara kepada tetamunya.**
 - A Tetamu Puan Tiara dijemput makan kek pisang yang dibuatnya itu.
 - B Puan Tiara menjemput tetamunya makan kek pisang yang dibuatnya itu.
 - C Puan Tiara dan tetamunya dijemput makan kek pisang itu.
 - D Puan Tiara mengajar tetamunya tentang cara-cara untuk membuat kek pisang yang dimakannya itu.
- 4 Sekumpulan pemuda sedang memainkan alat muzik tradisional Melayu di dalam dewan itu.**
 - A Alat muzik tradisional Melayu sedang dimainkan oleh sekumpulan pemuda di dalam dewan itu.
 - B Alat muzik tradisional Melayu sesuai dimainkan oleh sekumpulan pemuda di dalam dewan itu.
 - C Alat muzik tradisional Melayu sering dimainkan oleh sekumpulan pemuda di dalam dewan itu.
 - D Mereka pergi ke dalam dewan itu kerana hendak memainkan alat muzik tradisional Melayu bersama-sama sekumpulan pemuda.
- 5 Murid-murid mestilah membaca karya sastera untuk menjanakan minda.**
 - A Usaha untuk menjanakan minda murid-murid dilakukan melalui pembacaan karya sastera.
 - B Murid-murid dapat menjanakan minda setelah mereka membaca karya sastera.
 - C Karya sastera yang dapat menjanakan minda itu akan dibaca oleh murid-murid.
 - D Karya sastera mestilah dibaca oleh murid-murid untuk menjanakan minda.
- 6 Nurin menulis surat dalam tulisan Jawi untuk diberikan kepada datuk dan neneknya di kampung.**
 - A Surat dalam tulisan Jawi ditulis oleh Nurin untuk diberikan kepada datuk dan neneknya di kampung.
 - B Surat dalam tulisan Jawi ditulis oleh Nurin di kampung untuk diberikan kepada datuk dan neneknya.
 - C Datuk dan nenek Nurin di kampung memberikan surat yang ditulis dalam tulisan Jawi kepada Nurin.
 - D Datuk dan nenek Nurin memberikan surat yang ditulis dalam tulisan Jawi itu kepada Nurin.

7 Talia memuji kanak-kanak itu kerana berani bermain tibow.

- A "Syabas, kanak-kanak itu berani bermain tibow!" kata Talia.
- B "Oh, kamulah kanak-kanak yang berani bermain tibow itu!" kata Talia.
- C "Wah, beraninya kamu bermain tibow!" kata Talia kepada kanak-kanak itu.
- D "Amboi, mereka sungguh berani bermain tibow!" kata Talia kepada kanak-kanak itu.

8 "Usah berdiam diri jika kamu menjadi mangsa gangguan seksual," kata Cikgu Fatini kepada murid-murid.

- A Cikgu Fatini melarang mangsa gangguan seksual murid-murid berdiam diri.
- B Murid-murid melarang Cikgu Fatini berdiam diri jika beliau menjadi mangsa gangguan seksual.
- C Cikgu Fatini dan murid-murid dilarang berdiam diri jika mereka menjadi mangsa gangguan seksual.
- D Cikgu Fatini melarang murid-murid berdiam diri jika mereka menjadi mangsa gangguan seksual.

9 Daim asyik menonton dokumentari tentang perjuangan Datuk Bahaman ketika menentang penjajah.

- A Dokumentari tentang perjuangan Datuk Bahaman ketika menentang penjajah Daim asyik ditonton.
- B Dokumentari Daim tentang perjuangan Datuk Bahaman ketika menentang penjajah asyik ditonton.
- C Dokumentari tentang perjuangan Datuk Bahaman ketika menentang penjajah asyik ditonton oleh Daim.
- D Dokumentari akan ditonton oleh Daim jika mengisahkan perjuangan Datuk Bahaman ketika menentang penjajah.

10 Kumar bertanyakan sebab Siew Li mahu pergi ke Istana Budaya.

- A "Siapakah yang mahu pergi ke Istana Budaya?" tanya Kumar kepada Siew Li.
- B "Mengapakah kita perlu pergi ke Istana Budaya?" tanya Kumar kepada Siew Li.
- C "Mengapakah kamu mahu pergi ke Istana Budaya?" tanya Kumar kepada Siew Li.
- D "Apakah sebab Siew Li mahu pergi ke Istana Budaya?" tanya Kumar kepadanya.

11 Individu itu mahu menderma darah kerana tubuh badannya sihat.

- A Tubuh badan individu itu sihat walaupun dia telah menderma darah.
- B Oleh sebab tubuh badannya sihat, individu itu mahu menderma darah.
- C Jika tubuh badannya sihat, individu itu mahu menderma darah.
- D Setelah tubuh badannya sihat, individu itu mahu menderma darah.

12 Pegawai Pendidikan Daerah Lumut menyampaikan piala kepada juara pertandingan bicara berirama peringkat negeri.

- A Piala untuk pertandingan bicara berirama peringkat daerah Lumut disampaikan kepada juaranya oleh Pegawai Pendidikan itu.
- B Juara pertandingan bicara berirama peringkat negeri akan menerima piala yang disampaikan oleh Pegawai Pendidikan.
- C Juara pertandingan bicara berirama peringkat negeri akan menerima piala yang akan disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Daerah Lumut.
- D Piala disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Daerah Lumut kepada juara pertandingan bicara berirama peringkat negeri.